



JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Mohd Yusof, S.F. (2026). Reproduksi sosial dalam aspek modal ekonomi komuniti nelayan di Endau Johor: Analisis kualitatif. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 29, 60-73. <https://doi.org/10.32890/jps2026.29.5>

REPRODUKSI SOSIAL DALAM ASPEK MODAL EKONOMI KOMUNITI NELAYAN DI ENDAU JOHOR: ANALISIS KUALITATIF

*(Social Reproduction in Terms of the Economic Capital of the Fishing Community in
Endau, Johor: A Qualitative Analysis)*

Siti Fairuz Mohd Yusof

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Corresponding author: siti.fairuz@uum.edu.my

Received: 03/06/2026

Revised: 20/06/2026

Accepted: 15/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Reproduksi sosial adalah merupakan proses pemindahan sesuatu modal daripada generasi bapa kepada generasi anak yang merangkumi modal budaya, modal ekonomi dan modal sosial. Nelayan adalah merupakan individu yang menjadikan hasil laut/ sungai sebagai sumber pendapatan dalam meneruskan kelangsungan hidup. Kajian pengkaji terdahulu menunjukkan isu yang sering timbul terhadap komuniti nelayan adalah mengenai isu kemiskinan, kaedah penangkapan/teknologi yang rendah, penguasaan orang tengah, tahap mobiliti sosial yang rendah dan keterpinggiran/keciciran dalam arus pembangunan. Bagaimanakah dengan komuniti nelayan sekarang, adakah terdapat proses reproduksi sosial yang berlaku dalam generasi nelayan dan anak-anak menyambung legasi nelayan tersebut atau sebaliknya. Oleh yang demikian, kertas kerja ini menganalisis faktor modal ekonomi (pekerjaan, pendapatan, tabungan/simpanan dan pemilikan aset) dalam reproduksi sosial komuniti nelayan antara dua generasi iaitu generasi bapa (informan ketua keluarga) dan generasi anak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pemerhatian mendalam terhadap 33 keluarga intergenerasi (33 ketua keluarga nelayan + 33 generasi anak). Hasil dapatan menunjukkan bahawa aspek pekerjaan dan aset adalah merupakan aspek yang dominan dalam modal ekonomi. Ini kerana terdapat sebilangan kecil generasi anak yang mewarisi pekerjaan generasi bapa mereka sebagai nelayan dan mempelbagaikan sumber dengan menceburkan diri dalam bidang usahawan berasaskan sumber laut. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan pemahaman yang lebih komprehensif mengenai proses reproduksi sosial modal ekonomi dalam komuniti nelayan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada pembuat dasar dan pihak berkepentingan dalam merangka strategi pemeraksanaan

komuniti nelayan sekali gus memastikan kelestarian sektor perikanan serta kesinambungan profesion nelayan pada generasi akan datang.

Kata Kunci: Reproduksi sosial, modal ekonomi, nelayan, kualitatif, temubual.

ABSTRACT

Social reproduction refers to the intergenerational transmission of various forms of capital from parents to their children, encompassing economic, cultural, and social capital. Fishing communities comprise individuals whose livelihoods primarily depend on marine and inland water resources. Previous studies have consistently identified a range of persistent challenges faced by these communities, including chronic poverty, limited access to modern fishing technologies, dependence on intermediaries, low levels of social mobility, and marginalisation from mainstream socio-economic development. What is the current situation regarding fishing communities? is there a process of social reproduction taking places across generations and their children continuing the fishing legacy or the opposite occurring. Against this backdrop, this paper examines the process of social reproduction through the lens of economic capital, focusing on four key dimensions: occupation, income, savings, and asset ownership across two generations within fishing households, namely the parental generation (household heads) and their children. This study employs a qualitative approach, utilizing interviews and in-depth observation of 33 intergenerational families (33 heads of fishing households and 33 individuals from the children's generation). The findings indicate that occupation and asset ownership constitute the most significant dimensions of economic capital in the process of social reproduction. While only a small proportion of the younger generation inherited their parent's occupation as fishermen, several respondents diversified into marine-based entrepreneurial activities. The findings contribute to a broader understanding of intergenerational social reproduction within fishing communities, particularly with regard to the transmission and transformation of economic capital. This study offers valuable empirical evidence for policymakers and relevant stakeholders in developing sustainable interventions aimed at strengthening the socio-economic resilience of fishing communities and ensuring the long-term continuity of the fishing profession for future generations.

Keywords: Social reproduction, economic capital, fisherman/fishing community, qualitative, and survey.

PENGENALAN

Di Malaysia sektor perikanan merupakan salah satu sektor penyumbang penting kepada pembangunan negara dalam aspek pembangunan ekonomi. Data KDNK Malaysia (2025) menunjukkan sektor pertanian merupakan sektor ke-6 terpenting dalam pembangunan negara yang merangkumi sektor pertanian, penternakan dan sektor perikanan sebanyak 0.4 peratus (Jabatan Perangkaan, 2025). Aktiviti perikanan adalah satu aktiviti penting dalam menyediakan keperluan dan kecukupan kepada manusia dari segi bekalan makanan basah dan segar seperti ikan, udang, sotong dan lain-lain. Makanan basah dan segar ini penting bagi sebagai sumber protein utama kepada manusia. Oleh yang demikian, individu yang bertanggungjawab dan terpenting dalam membekalkan sumber protein bagi keperluan negara adalah terdiri daripada nelayan. Nelayan adalah individu yang melakukan aktiviti daripada laut dan sungai bagi memenuhi keperluan hidup dan menggunakan sumber yang ada sebagai punca pendapatan (Siti Fairuz, 2024).

Kajian mengenai komuniti nelayan di Malaysia telah banyak dibincangkan oleh pengkaji antaranya ialah kajian Rosemary (1990), Firth (1960 & 1990), Wan Hashim (1980), Ishak (1990), Mohd. Raduan et.al (1998 & 2007), Nor Hayati (2011 & 2024) dan Nor Fatiha (2019) yang mengkaji mengenai kemiskinan, kaedah penangkapan ikan/teknologi yang digunakan, penggunaan orang tengah, persaingan dan kepupusan ikan dan mobiliti sosial nelayan. Tidak ketinggalan juga kajian di luar negara seperti di India, Bangladesh, Indonesia dan Eropah aspek yang sering disentuh mengenai nelayan adalah berkaitan isu kemiskinan, orang tengah dan isu peralatan/teknologi yang digunakan.

Seperti yang diketahui bahawa nelayan adalah merupakan komuniti yang sangat penting kepada negara daripada dahulu sehinggalah sekarang. Namun, adakah pekerjaan nelayan sama seperti dahulu atau telah mengalami perubahan, serta adakah pekerjaan ini diwarisi oleh generasi anak-anak atau sebaliknya? Adakah terdapat proses reproduksi sosial yang berlaku dalam dua generasi ini?. Reproduksi sosial adalah satu proses yang berlaku di antara generasi yang mana generasi memindahkan atau mewariskan kelebihan sosial yang ada kepada generasi seterusnya. Proses ini berlaku sama ada secara sedar atau tidak sedar. Persoalan bagi komuniti nelayan ialah adakah terdapat proses reproduksi sosial yang berlaku antara generasi ayah kepada generasi anak? dalam aspek modal ekonomi. Justeru, bertitik tolak daripada persoalan ini, artikel ini meneliti proses reproduksi sosial yang berlaku dalam komuniti nelayan dalam bentuk modal ekonomi yang merangkumi aspek pekerjaan, pendapatan, tabungan/simpanan dan pemilikan aset.

TINJAUAN LITERATUR

Reproduksi Sosial dan Modal Ekonomi

Kajian mengenai reproduksi sosial dalam komuniti nelayan telah mendapat perhatian daripada ramai penyelidik, khususnya dalam aspek kemiskinan, mobiliti sosial dan pemindahan modal antara generasi. Menurut Bourdieu (1986), reproduksi sosial berlaku melalui pewarisan modal ekonomi, modal budaya dan modal sosial daripada ibu bapa kepada anak-anak. Walaubagaimana pun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada isu kemiskinan dan kesejahteraan nelayan, manakala aspek reproduksi modal ekonomi antara generasi masih kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan meneliti bagaimana modal ekonomi direproduksi dalam komuniti nelayan melalui dimensi pekerjaan, pendapatan, tabungan dan pemilikan aset.

Kajian reproduksi sosial ini dapat dilihat dalam aspek pendidikan (Vicki Macris, 2000; Kenneth Prandy, Merge Unt & Paul Lambert, 2004; Emily & Janice, 2015). Menurut pengkaji-pengkaji ini reproduksi sosial adalah berpunca daripada faktor pendidikan dan pendidikan menentukan tahap sosial dalam diri pelajar. Malahan, kajian bertemakan modal budaya iaitu pendidikan diatas disokong oleh kajian White A. L, (2025) dan Li, X. (2025) yang menyatakan pendidikan adalah merupakan alat sosialisasi dan menghasilkan reproduksi yang tinggi jika pendidikan itu berjaya. Selain aspek pendidikan yang merupakan penyumbang kepada terhasilnya reproduksi sosial dalam pelbagai modal. Bagi Breinholt (2025), amalan dan gaya keibubapaan adalah berdasarkan keadaan sosioekonomi mereka. Gaya ibu bapa dalam pendidikan adalah berdasarkan pekerjaan dan tahap pendapatan mereka. Menurut Lessky (2025), Frederick et.al (2024) dan Bates (2024) menjelaskan bahawa reproduksi sosial dalam kalangan modal sosial ini dapat dipecahkan dengan keterlibatan guru. Ini kerana faktor modal budaya merupakan agen penyumbang paling banyak dalam proses reproduksi sosial. Ini kerana faktor pendidikan adalah merupakan salah satu indikator dalam modal budaya. Selain itu, kajian dalam aspek modal budaya dan modal ekonomi iaitu kajian Wu (2025) dan Tian Z. (2026) yang bertumpu kepada duit dan budaya terhadap pelajar sekolah dalam mempengaruhi tahap pencapaian mereka.

Bagi Bourdieu (1984), terdapat 3 modal utama dalam proses reproduksi sosial yang berlaku iaitu modal budaya, modal ekonomi dan modal sosial. Modal-modal ini saling berkaitan antara satu sama lain. Modal budaya adalah modal yang biasanya terjadi dalam pendidikan, modal ekonomi adalah merupakan modal yang saling berkait rapat dengan SES iaitu pekerjaan, pendapatan, pemilikan aset dan tabungan. Manakala modal sosial adalah merupakan hubungan dan rangkaian yang terjalin diantara individu dengan individu yang lain dan memberikan manfaat kepada mereka secara langsung atau pun tidak langsung. Oleh yang demikian, dalam artikel ini modal yang ingin ditekankan adalah modal ekonomi. Modal ekonomi ini dapat ditentukan melalui status seseorang individu dari aspek pekerjaan (SES) ia juga merangkumi pencapaian pendidikan dan pendapatan (Weber, 1978; Bourdieu, 1984; Erikson and Goldthorpe, 1992; Ganzeboom et al., 1992). Dalam modal ekonomi, pendapatan dan kekayaan adalah elemen penting dalam pengukuran modal ekonomi (Kim et al., 2018; Sakamoto and Wang, 2020; Barone et al., 2022).

Oleh itu, dapat difahami dengan jelas bahawa modal ekonomi ialah keseluruhan kewangan dan material yang dimiliki atau diakses oleh individu atau isi rumah yang mempunyai nilai ekonomi, boleh digunakan untuk mendapatkan barangan, perkhidmatan dan peluang yang boleh ditukarkan kepada modal lain bagi menghasilkan sesuatu yang dapat memberikan manfaat kepada diri. Ini seiring dengan pendapat Bourdieu (1986), kajian Li (2025) menegaskan bahawa modal ekonomi, budaya dan sosial berfungsi saling melengkapi dan modal ekonomi dapat ditukarkan kepada modal budaya dan modal sosial membantu meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dengan bantuan jalinan hubungan dengan pihak berkepentingan. Malah, dengan adanya modal ekonomi seseorang individu dapat mengakses pendidikan dengan lebih baik iaitu dapat menambah ilmu pengetahuan dengan mengambil kelas tambahan, tuisyen dan akses kepada pendidikan yang lebih baik. Ini dapat dilihat dalam kajian Yang et al. (2025), dimana modal ekonomi sebagai sumber yang membolehkan keluarga membeli sumber pendidikan dan meningkatkan peluang anak memperoleh pendidikan tinggi dan menjawat pekerjaan bergaji tinggi.

Dalam bidang Sains Sosial pula, dilihat bahawa modal ekonomi ini secara intra dan inter generasi dalam aspek pemindahan modal dan kekayaan adakah daripada generasi sebelumnya ataupun pemilikan sendiri (C. Adamson and K. Vachuska, 2026). Dalam modal ekonomi pula, pendapatan adalah elemen utama selain pekerjaan, ukuran utama dalam modal ekonomi adalah pekerjaan, kelas sosial, SES dan prestij. Malah, ahli sosiologi menekankan bahawa modal ekonomi banyak bergantung pada pendekatan berasaskan pekerjaan. Berbeza dengan pendapat Yan (2026) bahawa modal ekonomi bukan bertumpu kepada ekonomi semata-mata tetapi ia turut berkaitan dengan modal sosial dan modal budaya seiring dengan pendapat Bourdieu (1986). Malah modal ekonomi seperti pendapatan, aset dan aset adalah satu elemen penting yang diwariskan secara generasi ini dapat dilihat dalam Barsegyan & Mass (2024) dan Ding & Wu (2023).

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa proses reproduksi yang terjadi diantara generasi ini bukan tertumpu kepada modal ekonomi semata-mata, namun modal-modal lain turut memainkan peranan bagi reproduksi sosial ini berlaku di antara generasi bapa terhadap generasi anak ia bagi membolehkan generasi anak meneruskan kelangsungan hidup sama ada menjadi nelayan atau pun sebaliknya. Ketiga-tiga modal saling berkait dan penting dalam reproduksi sosial terhadap komuniti nelayan. Bagi komuniti nelayan ini modal ekonomi adalah faktor dominan dalam reproduksi sosial iaitu ketua keluarga nelayan memindahkan modal ekonomi mereka terhadap generasi anak bagi membolehkan generasi anak dapat meneruskan kehidupan yang lebih baik dan turut menggunakan modal ekonomi ini terhadap modal budaya dan modal sosial.

Komuniti Nelayan

Kajian-kajian empirikal tentang komuniti pesisir pantai kebanyakannya dijalankan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Bagi kajian di Pantai Timur, mengenai komuniti muara/pesisir pantai, terdapat beberapa kajian yang penting namun majoriti kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti Raymont Firth (1940an; 1960an), Ungku Aziz (1950-an), Ishak Shaari (1980-an), dan Mohd Raduan (20-an) dan Nor Hayati (2011 & 2024) lebih tertumpu kepada pekerjaan mereka sebagai nelayan dan ahli komunitinya.

Oleh yang demikian, disimpulkan terdapat lima kajian utama dalam tahap sejarah berbeza iaitu, pertama, Firth (1940an; 1960an) mengkaji tentang ekonomi nelayan di komuniti muara Perupok/Besut, iaitu berkaitan masalah produktiviti; kedua, Ungku Aziz (1950-an) di Beserah tentang kemiskinan dan orang tengah; ketiga, Ishak (1980-an) di Perupok berkaitan modal, teknologi dan agihan pendapatan; dan keempat, Nor Hayati (2000-an) di Kuala Terengganu, meneliti persoalan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai & Nor Fatiha (2019) mengenai nelayan juragan, penglibatan dalam sektor perikanan dan produktiviti.

Kajian terawal yang dilakukan terhadap komuniti muara/komuniti pesisir ialah kajian Firth pada tahun 1945 iaitu mengenai komuniti muara Perupok, Bachok. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa sebab utama yang menyebabkan hasil tangkapan nelayan di Perupok rendah disebabkan pertamanya; ketiadaan alat peralatan menangkap ikan yang moden di mana majoriti nelayan di Perupok masih menggunakan alat peralatan menangkap ikan bersifat tradisional yang menyebabkan produktiviti rendah dan hasil yang di perolehi adalah sedikit. Kedua, sikap nelayan itu sendiri yang menganggap hasil tangkapan berdasarkan 'nasib' mereka dan sikap mereka yang boros ketika mendapat hasil tangkapan yang tinggi. Ketiga, kekurangan modal untuk meningkatkan pendapatan mereka dalam bidang keusahawanan. Hasil kajian pengkaji di kawasan Perupok mendapati majoriti penduduk nelayan di kawasan Perupok hidup miskin. Setelah kajian pertama dilakukan oleh pengkaji pada tahun 1945, pada tahun 1963 kajian susulan telah dilakukan semula oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati produktiviti dan pendapatan nelayan Perupok masih rendah walaupun keadaan teknologi semakin berkembang dan modal senang didapati melalui bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Di dapati wujud jurang di antara kapitalis (pengusaha) dengan golongan nelayan yang miskin dan tidak berharta (Firth, 1990).

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Ishak (1990), beliau telah menjalankan kajian pada tahun 1978 sehingga 1980 di kawasan yang sama dengan pengkaji Firth iaitu di Perupok. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah untuk melihat sebarang transformasi yang dialami oleh komuniti muara iaitu nelayan sama ada mereka masih berada dalam kemunduran atau sudah beralih ke arah yang lebih baik. Hasil yang di perolehi mendapati majoriti komuniti muara Perupok masih lagi mengamalkan pekerjaan tradisi mereka iaitu nelayan. Namun peratusan penduduk yang terlibat dalam perusahaan perikanan semakin berkurangan. Antara faktor utama ialah peralihan penduduk kepada aktiviti pertanian iaitu tanaman tembakau yang memberikan pulangan yang lumayan, dan bagi generasi yang sudah mendapat pendidikan tinggi telah mula berhijrah untuk mendapatkan pekerjaan di sektor kerajaan dan swasta. Umumnya, kajian mendapati bahawa majoriti nelayan di komuniti muara Perupok masih lagi berada bawah garisan kemiskinan.

Kajian Nor Hayati (2010) mengenai mobiliti sosial komuniti nelayan pesisir di Pantai Timur Terengganu bertujuan melihat keadaan nelayan sama ada mereka masih berada di bawah lingkaran kemiskinan atau sebaliknya dengan titik asas kajian terhadap 4 empat generasi. Kaedah survei ke atas 300 orang responden, serta interviu dan pemerhatian telah dijalankan di komuniti pesisir pantai Kuala Terengganu.

Kajian menunjukkan satu transformasi yang besar telah berlaku dalam komuniti pesisir ini berdasarkan perbandingan empat generasi nelayan yang bermula daripada datuk, bapa, responden sendiri dan anak responden. Hasil kajian mendapati majoriti responden kajian merupakan nelayan dan berada di bawah garis kemiskinan. Oleh yang demikian dilihat pengkaji ingin melihat transformasi yang dialami oleh komuniti pesisir dan akan membawa perubahan atau sebaliknya. Atau adakah perubahan hanya dinikmati oleh satu pihak sahaja serta peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan dalam mengupayakan komuniti nelayan adalah perlu agar mereka dapat bersaing dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Diikuti dengan kajian dilakukan oleh Nor Fatiha *et.al* (2019), pengkaji melibatkan kaedah kualitatif dengan pendekatan temu bual dan pemerhatian mendalam terhadap komuniti nelayan terutamanya juragan iaitu dengan seramai 17 orang juragan wilayah ECER. Penulis memperlihatkan 5 fasa yang dialami oleh nelayan sebelum menjadi juragan pengusaha iaitu fasa pertama, fasa penggunaan teknologi tradisional, diikuti fasa kedua iaitu fasa menjadi juragan pesisir, fasa ketiga pula, ialah fasa peralihan kepada bot-bot yang lebih besar iaitu A ke B dan B ke C dan C kepada C2. Fasa kedua terakhir ialah fasa pemilikan bot laut dalam dan fasa terakhir ialah fasa menjadi juragan laut dalam. Terdapat beberapa kesan positif yang timbul sekitar peralihan ini antaranya dari sudut ekonomi, sosiobudaya dan persekitaran nelayan itu sendiri. Oleh yang demikian, penulis melihat perubahan dan peralihan ini sedikit sebanyak merubah persepsi masyarakat yang menganggap nelayan adalah miskin dan jauh tertinggal ke belakang.

Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa kajian mengenai komuniti nelayan telah dilakukan sejak dari tahun 1940an lagi sehinggalah sekarang (2026) dengan pelbagai tumpuan seperti kemiskinan, teknologi rendah, mobiliti sosial dan penguasaan orang tengah. Namun kajian reproduksi sosial berkaitan modal ekonomi, modal budaya dan modal sosial secara mendalam masih kurang dikaji. Oleh yang demikian, bertitik tolak daripada itu, artikel ini akan menyentuh proses reproduksi sosial yang terjadi dalam kalangan nelayan bagi aspek modal ekonomi secara intra dan inter generasi di Endau Johor. Artikel ini ingin melihat generasi bapa mewariskan modal ekonomi kepada generasi anak dan adakah generasi anak menggunakan sepenuhnya modal ekonomi yang diberikan atau sebaliknya.


METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian kualitatif semi etnografi menggunakan seramai 33 keluarga intergenerasi yang melibatkan seramai 33 orang informan ketua keluarga nelayan dan 33 orang yang mewakili generasi anak. Ketua keluarga nelayan terdiri daripada 644 orang nelayan yang didaftarkan di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Endau. Ketua keluarga nelayan dapat dibahagikan kepada beberapa zon iaitu Zon A, Zon B, Zon C dan C2. Informan ketua keluarga nelayan bagi Zon A/Bot A adalah seramai 18 orang, Diikuti, 5 orang informan ketua keluarga nelayan Zon B/Bot B dan Zon C&C2 adalah seramai 10 orang Oleh itu, zon-zon laut dapat dilihat seperti rajah 1.

Rajah 1

Jenis-jenis Zon/Bot Nelayan



Kajian ini bertempat di daerah Mersing, mukim Endau. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan pendekatan *life history*, temu bual dan pemerhatian secara mendalam. Kaedah pemilihan informan adalah menggunakan kaedah *Snow ball*, dimana informan kajian dipilih secara bertujuan dan seterusnya informan kedua diperkenalkan oleh informan pertama setelah menepati kriteria barulah informan kedua dijadikan informan kajian. Terdapat 3 kriteria pemilihan informan ketua keluarga nelayan iaitu:

- i) Pekerjaan utama adalah nelayan dan ketua isi rumah (KIR) serta mempunyai anak yang telah berkerja
- ii) Nelayan mestilah warganegara Malaysia, berasal dari Mersing jika tidak hendaklah tinggal menetap 10 tahun atau lebih di Mersing, dan
- iii) Merupakan nelayan daripada kelas tertentu seperti nelayan zon A, B atau C

Bilangan saiz sampel dipilih adalah seramai 33 orang informan ketua keluarga nelayan dan daripada 644 orang nelayan dan berdasarkan ketepuan data. Ini dapat diterangkan dengan lebih ringkas seperti:

$$33 \text{ keluarga nelayan} = 33 \text{ orang informan ketua keluarga nelayan (intragenerasi)} + 33 \text{ informan generasi anak (intergenerasi)} \rightarrow 33 \text{ informan intergenerasi nelayan (bapa \& anak)}$$

Bagi menentukan bahawa kajian ini kecukupan data, kaedah ketepuan data digunakan. Ketepuan data merujuk kepada proses pengumpulan maklumat tidak menjumpai maklumat/tema yang baharu berkaitan persoalan kajian. Olen yang demikian, bagi kajian kualitatif ini jumlah informan kajian tidak dapat ditentukan pada awal kajian, serta ia tidak dapat ditentukan berdasarkan populasi. Namun, sampel kajian ini dapat ditentukan berdasarkan kedalaman dan kecukupan data yang diperolehi daripada maklumat temubual bersama informan kajian. Dalam kajian ini, seramai 33 orang informan ketua keluarga nelayan dan 33 orang generasi anak telah ditemu bual bagi membentuk 33 informan intergenerasi. Pemilihan generasi anak daripada keluarga yang sama membolehkan kajian ini melihat secara langsung hubungan

dan kesinambungan modal ekonomi yang berlaku dalam dua generasi ini. Data dan maklumat yang diperolehi ini akan dianalisis secara berterusan sepanjang proses pengumpulan data berlangsung dan melihat keada ketepuan data. Jika data yang diperolehi adalah berulang-ulang ini menentukan bahawa data tersebut mengalami ketepuan. Maka pengkaji haruslah menghentikan pencarian maklumat seterusnya, ini kerana ketepuan data telah diperolehi.

Seterusnya, data kajian yang diperolehi akan dianalisis menggunakan pendekatan tematik bagi mengenal pasti pola, tema dan makna yang berkaitan dengan proses reproduksi sosial dalam aspek modal ekonomi. Analisis kajian dilakukan secara berperingkat iaitu dari rakaman kemudian data ditranskripsi dan dimasukkan kedalam Nvivo11 bagi proses seterusnya iaitu pembacaan berulang-ulang, pengkodan, pembentukan kategori dan penghasilan tema mengikut kerangka konseptual kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bourdieu (1986) ada menyatakan bahawa modal ekonomi merupakan modal yang senang dapat dilihat daripada mata kasar berbanding dengan modal budaya dan modal sosial. Hal ini turut berlaku kepada 33 orang ketua keluarga nelayan yang ditemu bual di lapangan. Informan ketua keluarga nelayan turut mengakui dengan jelas semasa temu bual bahawa mereka menggunakan modal ekonomi mereka dalam memastikan proses reproduksi sosial bersama generasi anak-anak secara langsung atau tidak secara langsung. Reproduksi sosial dalam konteks modal ekonomi ini dapat dilihat dalam 4 aspek iaitu pekerjaan, pendapatan, tabungan/simpanan dan pemilikan aset.

Aspek Pekerjaan

Daripada 33 orang informan kajian iaitu ketua keluarga nelayan dan 33 orang informan generasi anak. Bagi zon A/bot A iaitu seramai 18 orang ketua keluarga dapat dilihat bahawa seramai 5 orang generasi anak bot A yang mewarisi pekerjaan ayah mereka sebagai nelayan iaitu sebagai nelayan bot enjin sangkut luar dan nelayan bot enjin dalam, tetapi mereka bukan sahaja menjadi nelayan seperti informan ketua keluarga mereka telah mempelbagaikan aktiviti perikanan seperti membawa pelancong ke kelong, membawa pemancing bermalam di laut dan menggunakan bot mereka membawa pemancing mencandat sotong. Hasil yang diperolehi adalah lebih lumayan berbanding bekerja sebagai nelayan sahaja.

Terdapat juga anak nelayan yang bekerja di sektor swasta dan terlibat dengan aktiviti perikanan seperti bekerja di jeti, bekerja sebagai buruh membantu tauke-tauke bot. Ini bagi membolehkan mereka mencari pengalaman sebelum turun ke laut bersama dengan ayah mereka. Selain itu mereka turut mewarisi pekerjaan nelayan ini daripada ayah mereka dengan diberikan pelbagai kemahiran dan tunjuk ajar daripada informan ketua keluarga.

Bagi zon B/bot B, iaitu bot laut dalam dapat dilihat hanya seorang anak ketua keluarga nelayan yang menjadi nelayan seperti ayahnya. Informan generasi anak ini menjadi nelayan bot laut dalam. Ini kerana informan ingin mencari pengalaman sebelum bersama-sama dengan ayahnya sebagai nelayan Zon B/bot B.

Bagi zon C&C2/ bot C&C2 terdapat seorang informan generasi anak yang mewarisi pekerjaan nelayan seperti ayahnya. Namun demikian, terdapat juga 2 orang informan generasi anak yang bekerja di sektor swasta dan terlibat dengan industri perikanan seperti bekerja di jeti sebagai pembantu tauke dan bekerja di jeti sebagai buruh. Ini kerana informan generasi anak ini ingin mencari pengalaman sebelum terlibat secara langsung sebagai nelayan. Keseluruhan mengenai generasi anak ini dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1*Pekerjaan Ketua Keluarga Nelayan dan Generasi Anak*

Bot	Informan		Generasi Anak				
	Nelayan (Awak-awak)	Pemilik Bot & Tekong	Nelayan (Awak-awak)	Sektor Awam	Sektor Swasta	Sendiri	Tidak Bekerja
Bot A	0	18	5	4	5	2	2
Jumlah=18							
Bot B	4	1	1	0	1	2	1
Jumlah=5							
Bot C & C2	4	6	1	1	7	1	0
Jumlah=10							

Sumber. Hasil Kerja lapangan 2021.

Proses reproduksi sosial yang berlaku dalam modal ekonomi ini dapat dilihat daripada peralihan pekerjaan generasi anak-anak yang tidak menjadikan nelayan sebagai pekerjaan mereka sebaliknya mereka cenderung kearah pekerjaan lain (di darat). Namun terdapat sebahagian kecil yang menjadikan pekerjaan nelayan ini sebagai pekerjaan utama walaupun mengalami peningkatan dari segi status pekerjaan iaitu jika nelayan (KIR) adalah pemilik bot A, generasi anak akan menjadi nelayan di bot yang lain seperti bot B atau pun C dan C2. Ini kerana nelayan sendiri tidak menggalakkan generasi anak-anak menjadi seperti mereka kecuali berada ditahap yang lebih baik. Pengalaman semasa mengikuti nelayan (KIR) ini adalah penyebab utama generasi anak-anak menjadi nelayan tetapi berlainan zon dan status pekerjaan.

Pendapatan

Daripada segi pendapatan pula, majoriti informan ketua keluarga (KIR) nelayan ini membuat pembahagian pendapatan mereka ke arah pendidikan. Ini dapat dilihat daripada hasil temu bual bersama dengan informan ketua keluarga nelayan. Hampir keseluruhan informan ketua keluarga nelayan yang membuat simpanan pendidikan anak-anak ke tahap yang tinggi seperti ke Universiti. Majoriti anak-anak informan ketua keluarga nelayan ini menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dengan pembayaran oleh sendiri oleh nelayan dan tidak membuat pinjaman mana-mana pihak. Dalam kajian Abdul Rahman (2002) dan kajian Noraini (2015) pengkaji menyatakan bahawa informan ketua keluarga menghantar anak mereka ke pusat tuisyen dan ke Universiti dengan duit mereka sendiri. Sama seperti dapatan kajian ini, majoriti informan ketua keluarga menggunakan wang mereka sendiri untuk membiayai pengajian anak-anak mereka di Institusi awam atau pun swasta. Ini kerana majoriti generasi anak-anak tidak mendapat biasiswa dan penajaan mana-mana pihak. Disamping itu, informan ketua keluarga nelayan tidak mahu anak-anak mereka dibebani dengan hutang PTPTN setelah tamat pengajian.

Hasil temu bual bersama dengan informan generasi anak zon A/bot A enjin sangkut luar. Informan Syafiq merupakan generasi anak, Syafiq merupakan Pegawai Media Prima di Selangor, berusia 28 tahun dan pendidikan sehingga Degree UKM.

“Ayah saya memang susah miskin, tapi dari segi pendidikan anak-anak dia top...dia bayar semua pelajaran adik-adik saya, Cuma saya ni ayah tanggung sikit jer, sebab saya dapat tajaan..semuanya biasiswa..adik-adik ayah bayar..tak amik PTPTN pun.” (Informan Syafiq, 2021)

Selain itu, informan ketua keluarga nelayan turut menggunakan pendapatan yang diperolehi hasil daripada nelayan dengan menghantar anak-anak mereka mengikuti kursus seperti kursus memandu, latihan menjahit dan kursus komputer. Majoriti informan generasi anak mengambil lesen kenderaan adalah hasil sumbangan ayah mereka iaitu ketua keluarga nelayan. Ini dapat dilihat daripada temu bual bersama dengan generasi anak.

Informan Syahir, berusia 24 tahun dan merupakan nelayan bot A enjin sangkut luar yang turun ke laut bersama dengan ayahnya

“Semua hari ini adalah hasil daripada ayah saya, duit lesen saya...belajar saya semua ayah saya tanggung..malah bot ni pun ayah yang beli..untuk kegunaan saya ke laut”(Informan Syahir, 2021).

Malahan, informan ketua keluarga nelayan turut menggunakan pendapatannya turun ke laut untuk disimpan di Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), untuk kegunaan ketika keadaan memerlukan seperti ketika anak-anak ingin ke Universiti, ketika musim tengkujuh, sakit dan keperluan untuk membaiki kerosakan bot/jala dan peralatan lain untuk menangkap ikan.

Selain itu, dapat diakui daripada temu bual bersama informan kajian bahawa wang adalah merupakan alat motivasi kepada anak-anak. Majoriti informan ketua keluarga nelayan menggunakan sumber pendapatan yang diperolehi dengan menaikkan motivasi dalam diri anak-anak dengan memberi ganjaran mengikut kemampuan dan gaya masing-masing. Rata-rata informan ketua keluarga nelayan ini memberikan ganjaran seperti membawa anak-anak bercuti ketika musim cuti setelah anak-anak.

Pendapatan yang diperolehi dijadikan sebagai insentif dan ganjaran kepada anak-anak untuk berjaya dalam pelajaran dan kerja. Majoriti informan zon A/bot A memberikan ganjaran seperti duit dan membawa anak-anak mereka makan di kedai jika anak-anak berjaya dan lulus dalam peperiksaan. Begitu juga dengan informan ketua keluarga zon B/bot B, mereka turut membawa anak-anak makan di restoran dan beriadah bersama anak-anak ketika musim cuti sekolah. Bagi informan ketua keluarga zon C&C2/bot C mereka turut melakukan perkara yang sama seperti zon-zon yang lain, cuma bagi informan ketua keluarga yang berpendapatan tinggi sedikit mereka akan membelikan hadiah seperti basikal, telefon bimbit dan komputer riba sebagai insentif untuk anak-anak berjaya dalam pelajaran disamping digunakan untuk kegunaan di sekolah. Bagi anak-anak informan yang berjaya dalam peperiksaan seperti SPM dan STPM informan akan membelikan sebuah motosikal untuk kegunaan di universiti/matrikulasi.

Informan ketua keluarga Bakar, berusia 60 tahun dan merupakan pemilik bot C2 sentiasa memberikan sokongan dan galakkan untuk anak-anaknya berjaya dalam pelajaran.

“Dulu pak cik miskin, sebab tu tak sekolah...tapi anak-anak pak cik hantar sekolah kerajaan..suruh dorg pandai...tak macam pak cik...pak cik kalau anak-anak berjaya dalam pelajaran..pak cik tanya dia nak apa..tapi anak pak cik tak minta..pak cik yang bagi..anak pak cik tu..dapat masuk U..pak cik belikan motosikal...belikan..komputer..untuk kegunaan dia jugak..tak yahlah pinjam kawan-kawan....nak gerak pun senang” (Informan Bakar, 2021)

Oleh yang demikian, dapat diakui bahawa proses reproduksi sosial terjadi dimana informan ketua keluarga menggunakan sebahagian sumber pendapatan yang diperolehi hasil kerja sebagai nelayan untuk memberikan generasi anak-anak keselesaan dalam aspek pendidikan, dan permulaan hidup baru.

Tabungan/Simpanan

Dari segi tabungan dan simpanan informan ketua keluarga nelayan pada masa sekarang (2019/2020) sentiasa membuat simpanan dalam bank untuk kegunaan diri sendiri dan keluarga. Bagi informan ketua keluarga nelayan bot C dan C2 yang bekerja sebagai pemilik bot dan tekong iaitu seramai 2 orang pemilik bot dan 4 orang tekong bot masing-masing mempunyai simpanan dalam bentuk saham untuk kegunaan ketika kecemasan.

Selain itu, sebahagian kecil nelayan zon C&C2 mereka membeli perlindungan insuran diri dan keluarga untuk perubatan. Ini kerana informan ketua keluarga nelayan ini menganggap bahawa perlindungan insuran diri dan keluarga adalah penting ketika sakit. Ini kerana kos rawatan perubatan adalah tinggi untuk sebarang penyakit. Disamping pekerjaan nelayan yang tidak mempunyai simpanan bulanan seperti KWSP. Ini yang menyebabkan informan ketua keluarga mengambil langkah awal dan selamat. Malahan, majoriti informan ketua keluarga zon C&C2 iaitu seramai 6 orang turut mengambil insurans kemalangan sebagai perlindungan awal jika sebarang kemungkinan berlaku kepada dirinya ketika berada di laut. Bagi informan ketua keluarga yang bekerja bersama dengan majikan/ tauke sebagai awak-awak, majoriti majikan/tauke telah mengambil insuran kemalangan kepada pekerjanya, bagi membolehkan mereka mendapat pampasan ketika kemalangan atau kejadian yang tidak diingini berlaku ketika di laut.

Selain itu, majoriti informan ketua keluarga iaitu 22 orang informan turut membuat tabungan untuk diri sendiri dan untuk generasi anak-anak sama ada di Bank Simpanan Nasional (BSN) atau pun di Tabung Haji. Ini bagi memastikan kelangsungan hidup informan sendiri dan untuk anak-anak dari segi pendidikan dan simpanan untuk masa depan. Dari segi pendidikan pula, majoriti informan ketua keluarga nelayan zon C dan C2 telah mengambil simpanan tabung pendidikan bagi keperluan anak-anak mereka ketika menjejaskan kaki ke Universiti. Simpanan tabung pendidikan ini dibuat dengan simpanan bulanan sebanyak RM 50 dan ke atas bergantung kepada hasil pendapatan di laut. Bagi informan ketua keluarga Kamaruddin, beliau membuat simpanan serendah RM50 sebulan bermula pada tahun 2000 sehinggalah sekarang bagi memudahkan pengajian anak-anaknya ketika melanjutkan pelajaran ketika di peringkat lebih tinggi seperti di Universiti.

Bagi informan ketua keluarga nelayan zon A/bot A dan zon B/bot B hanya terdapat sebahagian kecil yang mengambil inisiatif membuat simpanan pendidikan untuk anak-anak mereka. Hasil temu bual mendapati bahawa majoriti informan ketua keluarga tidak membuat simpanan pendidikan untuk anak-anak mereka disebabkan kekangan kewangan ditambah pula dengan keadaan musim tengkujuh yang memaksa mereka untuk tidak keluar bekerja ke laut. Namun, ketua keluarga informan nelayan hanya membuat simpanan di bank biasa dalam bentuk akaun semasa bagi memudahkan mereka menggunakan duit tersebut ketika kecemasan/darurat.

Oleh yang demikian, dapat dilihat dalam modal ekonomi ini aspek tabungan/simpanan adalah merupakan salah satu aspek yang terjadinya proses reproduksi sosial generasi ayah dengan generasi anak-anak bagi membolehkan anak-anak mewarisi sikap generasi ayah dari segi tabungan dan simpanan dalam aspek pendidikan, kewangan dan insuran untuk masa depan.

Pemilikan Aset

Dari segi pemilikan aset dalam modal ekonomi bagi zon A/bot A iaitu seramai 5 orang informan ketua keluarga yang membelikan/memberikan anak-anak mereka bot A untuk kegunaan di laut dan dijadikan sebagai kegunaan membawa pelancong ke kelong, memancing dan mencandat sotong. Informan generasi anak hanya mengeluarkan sedikit duit untuk menambahkan peralatan untuk kegunaan di laut. Berbeza dengan informan ketua keluarga zon C&C2/bot C&C2 iaitu majoriti generasi anak-anak diberikan ilmu pengetahuan dan cara pengendalian bot sebelum informan generasi anak-anak diberikan bot tersebut setelah informan ketua keluarga bersara/meninggal dunia. Malahan terdapat 2 orang informan ketua keluarga yang membuat/membeli kedai untuk anak-anaknya berniaga disamping itu membantunya menjual makanan berasaskan laut seperti ikan.

Selain itu, informan ketua keluarga turut meninggalkan seperti tanah dan sebarang aset seperti motosikal dan kereta untuk generasi anak-anak menggunakannya untuk kelangsungan hidup. Pemberian modal ekonomi oleh informan ketua keluarga terhadap generasi anak-anak tidak hanya terikat semasa kecil sahaja. Namun ia turut dilakukan ketika generasi anak-anak dewasa iaitu majoriti informan ketua keluarga zon A/bot A, zon B/bot B serta zon C&C2 /bot C&C2 mengakui bahawa mereka membantu generasi anak-anak dari segi pembelian aset pertama seperti kereta, motosikal, bot dan rumah. Majoriti informan ketua keluarga membantu dari segi pembayaran “*downpayment*” setiap pembelian aset generasi anak-anak.

Informan Syafik, berusia 27 tahun dan merupakan seorang pegawai di Kuala Lumpur merupakan informan generasi anak. Ayahnya merupakan nelayan zon A/bot A.

“Saya mula-mula masuk Media Prima..tak ada apa...duit rumah sewa...duit apa ni..duit rumah sewa 3 bulan...duit beli muka...untuk motosikal...semua ayah bayar...saya xberduit..baru nak mulakan hidup...ni pun beli rumah..ayah bayarkan duit muka...sega..tapi saya janji saya bayar semula...” (Informan Syafik, 2021).

Terdapat juga seorang informan ketua keluarga zon C&C2/ bot C&C2 yang membelikan kedai untuk anaknya berniaga barangan runcit untuk kegunaan penduduk setempat. Ini dapat dilihat berdasarkan temu bual bersama informan ketua keluarga.

Bagi informan Bakar yang merupakan pemilik bot C2, beliau membelikan sebuah kedai untuk anaknya menjual peruncitan seperti barangan kering dan keperluan harian.

“Anak saya...ada sorang tu dia bukak kedai runcit...jual macm-macam kedai mart lah..saya belikan kedai tu..untuk dia berniaga...dapat juga hasil...tak kan selama-lamanya nak ke laut..sebab kita makin lama makin tua..lagipun....saya pun tak larat...ikan pun makin kurang...” (Informan Bakar, 2021)

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa modal ekonomi dalam aspek pemilikan aset ini adalah merupakan salah satu aspek yang dominan, disalurkan oleh generasi ketua keluarga kepada generasi anak-anak untuk kelangsungan hidup. Cuma bagaimana generasi anak-anak mempelbagaikan sumber modal ekonomi ini untuk kegunaan yang lebih baik dan bermanfaat.

KESIMPULAN

Umumnya, reproduksi sosial dalam aspek modal ekonomi ini dapat dilihat dengan nyata berbanding dengan modal sosial dan modal budaya bagi komuniti nelayan ini. Diakui bahawa informan ketua keluarga menggunakan modal ekonomi dengan sebaik mungkin bagi memastikan bahawa generasi anak-anak dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Namun demikian, bagi memastikan reproduksi sosial berlaku dengan lebih baik maka ketiga-tiga modal iaitu modal ekonomi, modal budaya dan modal sosial perlulah berkait dan bergandingan. Ini seiring dengan teori Bourdieu (1986) bahawa modal-modal ini berkait rapat dan mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Kajian mendapati pekerjaan dan pemilikan aset adalah dominan dalam modal ekonomi berbanding dengan tabungan/simpanan dan pendapatan. Namun begitu, aspek pendapatan dan aspek simpanan/tabungan turut menyumbang kepada modal ekonomi komuniti nelayan. Dengan adanya modal ekonomi ini, sebahagian kecil generasi anak berpeluang menjadi usahawan/peniaga dan tetap meneruskan kerjaya sebagai nelayan yang lebih produktif berbekalkan modal ekonomi daripada informan ketua keluarga. Oleh yang demikian, reproduksi sosial dalam modal ekonomi komuniti nelayan di Endau ini terjadi dan mengalami peningkatan yang positif kerana majoriti generasi anak-anak menggunakan sumber modal ekonomi informan ketua keluarga nelayan iaitu ayah mereka sendiri. Oleh itu, kajian mengenai reproduksi sosial dalam kalangan komuniti nelayan ini adalah penting dilakukan bagi meningkatkan pengetahuan dalam korpus ilmu mengenai komuniti nelayan, ia seiring dengan membantu komuniti marginal dan matlamat pertama *SDG2030* iaitu menghapuskan kemiskinan serta memperkasakan komuniti ini.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. (2002). *State-led modernization and the new middle class in Malaysia*. Palgrave.
- Adamson, C., & Karl Vachuska. (2026). The intergenerational mobility advantage of educators's children: Capital embedded in occupations. *Social Sciences Research*, 138, 1-15.
- Barseganyan, V., & Maas, I. (2024). First-generation students' educational outcomes: The role of parental educational, cultural, and economic capital – A 9-years panel study. *Research in Social Stratification and Mobility*, 91.
- Bates, A. (2024). *Exploring teachers' views of cultural capital in English schools*. *British Educational Research Journal*.
- Barone, C., Hertel, F. R., & Smallenbroek, O. (2022). The rise of income and the demise of class and social status? A systematic review of measures of socio-economic position in stratification research. *Journal Res. Soc. Stratif*, 78.
- Bourdieu, P. (1986). The forms of capital. In J. E. Richardson (Ed.), *Handbook of theory and research for the sociology of education* (pp. 241–258). Greenwood Press.
- Breinholt, A. (2024). Hidden patterns of inequality: The heterogeneity in parenting within educational groups. *Research in Social Stratification and Mobility*.
- Ding, Q., & Wu, Q. (2023). Effects of economic capital, cultural capital and social capital on the educational expectation of Chinese migrant children. *Applied Research in Quality of Life*, 18(3), 1407–1432.
- Erikson, R., & Goldthorpe, J. H. (1992). *The constant flux: A study of class mobility in industrial societies*. Clarendon press.

- Lessky, F. (2025). Educational inequality transformation: Combining Bourdieu's relation theory and the 'conduct of everyday life' concept to illuminate underrepresented students' experiences and success in higher education. *Österreichische Zeitschrift für Soziologie*, 50, 23. <https://doi.org/10.1007/s11614-025-00611-8>
- Frederick De Moll, Laureen Grecu & Dortmund Andreas Hadjar. (2024). Student's academic habitus and its relation to family capital: A latent class approach to inequalities among secondary school students. *Journal of Sociological Inquiry*, 94(1), 190-220.
- Firth, R. (1966). *Malay fishermen: Their peasant economy*. Routledge & Kegan Paul.
- Ganzeboom, H. B. G., De Graaf, P. M., & Treiman, D. J., (1992). A standard international socio-economic index of occupational status. *Soc. Sci. Res.*, 21(1), 1-56.
- Ibrahim Kurt. (2015). Education and social reproduction in schools. *European Journal of Social Sciences Education and Research*, 2(4).
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi nelayan: Pengumpulan modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). Data KDNK di Malaysia (Anggaran KDNK awalan suku ke-3).
- Li, X. (2025). Bringing back "cultures": Revisiting the concept of cultural capital in Chinese education research. *Journal of East China Normal University (Educational Sciences)*, 43(3), 47-57.
- Li, Y. (2025). Family capital structure and educational attainment: Evidence from China family panel surveys. In M. M. Husin (Ed.), *Proceedings of the 2025 International Conference on Financial Innovation and Marketing Management (FIMM 2025)*, 1309-1319.
- Nor Fatiha Othman, Abdul Rahman Abdul Latip, & Nor Hayati Sa'at. (2019). Perkembangan juragan pengusaha dalam industri perikanan di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 4(1), 112-135.
- Noraini Dhiauddin. (2015). *Reproduksi sosial dalam keluarga kelas menengah baharu: Kajian kes di Lembah Klang*. UKM.
- Nor Hayati Sa'at. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia*, 29(1), 95-123.
- Nor Hayati Sa'at. (2023). *Keluar dari lingkaran: Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir Pantai*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosemary Firth. (1966). *Housekeeping among Malay peasant* (2nd ed.). Athlone Press.
- Siti Fairuz Mohd Yusof. (2024). *Perubahan status sosio ekonomi dan reproduksi sosial komuniti nelayan di Endau, Johor* [Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tian, Z., & Liu, Y. (2026). Intergenerational reproduction of educational advantage: Parental educational assortative mating, cultural capital, and academic achievement among Chinese secondary school students. *Educational and Lifelong Development Research*, 3(2), 71-80.
- Weber, M. (1978). *Economy and society: An outline of interpretive sociology*. University of California Press.
- Weeden, K. A., & Grusky, D. B. (2012). The three worlds of inequality. *American Journal Sociology*, 117(6), 1723-1785.
- Wan Hashim Wan Teh. (1980). *Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- White, A. L. (2025). Toward a critical race theorization of cultural capital for black education studies research. *Journal of Black Studies*, 56(4).
- Yan, X., Abd Majid, M. Z., Hussin, M., & Tian, Y. (2026). Family capital and educational investment in China: A multi-stage integration study based on chain mediation effect and latent profile analysis. *Marriage & Family Review*, 1-31.
- Yang, F., Yi, Q., Yang, Y., & Wang, L. (2026). The association between family capital and physical exercise among young and middle-aged adults: The potential mediating pathway of intergenerational transmission of education. *Frontiers in Public Health*, 14, 1791251.